

**DIDALAM MAHKAMAH TINGGI JENAYAH 4 KUALA LUMPUR**

**DIDALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**RAYUAN JENAYAH NO: 42(ORS) – 60-07/2015**

**PENDAKWA RAYA**

**LAWAN**

**VISHNU DEVARAJAN**

**PENGHAKIMAN**

**Latarbelakang**

1. Di Peringkat awalnya, melalui Notis Permohonan yang disokong oleh Affidavit pihak Responden bertarikh 19 May 2015, pihak Responden telah memohon kepada Hakim Mahkamah Sesyen agar kesemua pertuduhan-pertuduhan terhadap Responden dibatalkan dan Responden dilepaskan dan dibebaskan daripada kesemua pertuduhan tersebut. Hakim Mahkamah Sesyen setelah mendengar segala hujahan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak Timbalan Pendakwa Raya dan pihak Responden, pada 3 Julai 2015 telah memutuskan untuk melepaskan dan membebaskan Responden daripada 36 Pertuduhan iaitu 10 Pertuduhan dibawah Seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997 dan 26 Pertuduhan di bawah Seksyen

5 Akta Jenayah Komputer 1997. Justeru itu, pihak pendakwaan telah merayu kepada Mahkamah ini terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen tersebut. Bagi maksud rekod, kesemua pertuduhan adalah seperti berikut :-

#### **Pertuduhan Pertama**

*Bahawa kamu pada 18 Oktober 2012, jam lebih kurang 10.33 malam, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, telah melakukan akses tanpa kuasa ke server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.*

#### **Pertuduhan Kedua**

*Bahawa kamu pada 18 Oktober 2012, jam lebih kurang 10.35 malam, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, telah melakukan akses tanpa kuasa ke server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, telah melakukan akses tanpa kuasa ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Ketiga**

*Bahawa kamu pada 18 Oktober 2012, jam lebih kurang 10.41 malam, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah memuat turun StellarPhoenixSQLRepair ke direktori C:\Users\Administrator\Downloads\StellarPhoenixSQLRepair.exe di dalam server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Pertama**

*Bahawa kamu pada 18 Oktober 2012, jam lebih kurang 10.45 malam, melalui akses yang kamu buat kepada server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah melancarkan ("execute") fail bernama 'rcsetup143.exe' daripada direktori C:\Users\Administrator\Downloads di dalam server PAMPISA01*

tersebut yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Kedua**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 3.48 pagi, melalui akses yang kamu buat ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah melancarkan ("execute") perisian Windows iaitu 'Event Viewer' di server database tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Ketiga**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 6.21 pagi, melalui akses yang kamu buat ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah melancarkan*

*("execute") perisian uninstaller untuk 'Smart PC Cleaner' di server database tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Pertama**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 6.30 pagi, melalui akses yang kamu buat ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah memulakan kembali ("restarted") sistem server database tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Kedua**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 10.39 pagi, melalui akses yang kamu buat kepada server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah membuka satu sesi*

*RDP bernama 'DBBeta.rdp' di server PAMPISA01 tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Ketiga**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 11.18 pagi, melalui akses yang kamu buat ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah mempercepatkan masa server database tersebut sebanyak 8 jam, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Pertama**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 11.34 pagi, melalui akses yang kamu buat kepada server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah menghentikan proses 'MSSQL Server' di server PAMPISA01 tersebut, dan dengan itu*

*kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Kedua**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 11.35 pagi, melalui akses yang kamu buat kepada server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah menjalankan ("run") proses 'MSSQL Server' di server PAMPISA01 tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Ketiga**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 11.38 pagi, melalui akses yang kamu buat kepada server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah menghentikan perkhidmatan 'SQL Full-text Filter Daemon Launcher (MSSQLSERVER)' di server PAMPISA01 tersebut, dan dengan itu*

*kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Pertama**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 1.30 petang, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, ke server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, telah melakukan akses tanpa kuasa ke server datas base milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Kedua**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 1.31 petang, melalui akses yang kamu buat ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah menjalankan ('run) program 'gdbnt.exe' di server database tersebut, dan dengan*



*itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Ketiga**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 3.09 petang, melalui akses yang kamu buat kepada server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah klik pada 'Japan Web 02.rdp.lnk' di server PAMPISA01 tersebut untuk membuka sesi RDP dengan server lain, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Pertama**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 3.19 petang, melalui akses yang kamu buat kepada server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah menjalankan ("run") program 'Setup.exe' daripada direktori :\\Users\Administrator\Desktop*

*\Get Data Back 4.25 di dalam server PAMPISA01 tersebut yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Kedua**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 3.20 petang, melalui akses yang kamu buat kepada server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah menjalankan ("run") perisian 'Get Data Back' di server PAMPISA01 tersebut yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Ketiga**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 3.49 petang, melalui akses yang kamu buat kepada server PAMPISA01 di alamat*

*IP 121.123.209.230, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah membuat interaksi dengan fail database `Kentico.mdf`, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

#### **Pertuduhan Pertama**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 3.55 petang, melalui akses yang kamu buat kepada server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah membuang pemasangan ("uninstall") aplikasi `Stellar's Phoenix SQL recovery` daripada server tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

#### **Pertuduhan Kedua**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 4.04 petang, melalui akses yang kamu buat kepada server PAMPISA01 di alamat*

*IP 121.123.209.230, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah menggunakan fail 'Beta SQL.rdp' untuk membuat sambungan ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Ketiga**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 4.10 petang, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, ke server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, telah melakukan akses tanpa kuasa ke server data base milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.*

**Pertuduhan Pertama**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 5.11 petang, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, ke server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, telah melakukan akses tanpa kuasa ke server datas base milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.*

**Pertuduhan Kedua**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 5.14 petang, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, ke server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, telah melakukan akses tanpa kuasa ke server datas base milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.*

**Pertuduhan Ketiga**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 5.15 petang, melalui akses yang kamu buat ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah melancarkan ("executed") program `SmartPCCleaner.exe' di server database tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

**Pertuduhan Pertama**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 5.21 petang, melalui akses yang kamu buat ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah melancarkan ("executed") program menggunakan fail link `TreeSizeFree.lnk' di server database tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

**Pertuduhan Kedua**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 7.43 malam melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, ke server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah computer, iaitu kamu telah membuat salinan ("copy") fail link `DBBeta.rdp` di server tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

**Pertuduhan Ketiga**

*Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 9.02 pagi, melalui akses yang kamu buat ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah membuat interaksi dengan 2 fail sql iaitu `KenticoCMSLog.sql` dan `Goodies\_Greyson-Chance.sql` di server database tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Pertama**

*Bahawa kamu pada 21 Oktober 2012, jam lebih kurang 2.53 pagi, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, ke server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah mengakses fail RDP iaitu 'DBBeta.rdp' di server tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Kedua**

*Bahawa kamu pada 21 Oktober 2012, jam lebih kurang 3.10 pagi, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, ke server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, telah melakukan akses tanpa kuasa ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan*



yang boleh di hukum di bawah seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997.

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Ketiga**

*Bahawa kamu pada 21 Oktober 2012, jam lebih kurang 3.10 pagi, melalui akses yang kamu buat ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah melancarkan ("executed") program `S3 Browser` di server database tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Pertama**

*Bahawa kamu pada 21 Oktober 2012, jam lebih kurang 6.39 pagi, melalui akses yang kamu buat ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah melaksanakan ("executed") aplikasi `ApexSQL` di server tersebut, dan dengan itu*

*kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Kedua**

*Bahawa kamu pada 21 Oktober 2012, jam lebih kurang 6.40 pagi, melalui akses yang kamu buat ke server database milik Astro Radio Sdn Bhd di alamat IP 175.41.239.86, telah melakukan satu perbuatan yang kamu tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa ke atas kandungan sebuah komputer, iaitu kamu telah melancarkan ("execute") perisian Windows iaitu 'Event Viewer' di server database tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah sekseyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Ketiga**

*Bahawa kamu pada 21 Oktober 2012, jam lebih kurang 10.44 pagi, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, ke server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, telah melakukan akses tanpa kuasa ke fail link RDP iaitu 'JAPAN SQL.RDP' di server tersebut, dan*

*dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Pertama**

*Bahawa kamu pada 21 Oktober 2012, jam lebih kurang 11.05 pagi, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, ke server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, telah melakukan akses tanpa kuasa ke fail link RDP iaitu `JAPAN SQL.RDP` di server tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.*

### **Pertuduhan Kedua**

*Bahawa kamu pada 21 Oktober 2012, jam lebih kurang 4.45 petang, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200, ke server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230 yang terletak di Tingkat 2 All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, telah melakukan akses tanpa kuasa ke fail link RDP iaitu `JAPAN SQL.RDP` di server tersebut, dan*

*dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997.*

*Hukuman : Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.*

2. Melalui pertuduhan-pertuduhan yang dikemukakan terhadap Responden mahkamah ini mendapati ianya boleh digabungkan dalam dua Set iaitu Satu Set Pertama merupakan pertuduhan keatas Responden terhadap kesalahan melakukan Akses Tanpa Kuasa keatas "Server-server" seperti didalam pertuduhan ataupun lebih dikenali sebagai tindakan "Hacking" menurut Seksyen 3 Akta tersebut manakala satu set yang mengandungi 26 Pertuduhan lain adalah terhadap kesalahan mengubah Kandungan computer dan DataBase Tanpa Kuasa menurut Seksyen 5 Akta diatas.
3. Secara ringkasnya, Hakim Mahkamah Sesyen dalam penghakimannya telah memutuskan seperti berikut:
  - (a) Ketiadaan Izin Bertulis pada kes No. 62K-(17 – 28) – 01 – 2005 telah menyebabkan Tiada Pendakwaan boleh dijalankan dan Perbicaraan menjadi suatu "Nullity";
  - (b) Pertuduhan yang dikemukakan terhadap Responden adalah suatu "Misleading" kerana IP (Internet Protocol) yang walaupun didaftarkan keatas nama Responden, ianya bukanlah suatu Tempat;

- (c) Kesemua Pertuduhan-pertuduhan tersebut adalah "Defektif" kerana tidak mematuhi peruntukan Seksyen 153(1) Kanun Prosedur Jenayah;
- (d) Kegagalan pihak pendakwaan dalam menyatakan Tempat didalam setiap pertuduhan-pertuduhan tersebut adalah memprejudiskan pihak responden kerana Responden tidak diberikan suatu Notis yang mencukupi;
- (e) Dalam kegagalan tersebut untuk menyatakan Tempat kesalahan berlaku telah memprejudiskan pihak Responden untuk mengemukakan sebarang pembelaan Alibi sekiranya ada; dan
- (f) Dalam menyatakan Tempat pada setiap pertuduhan-pertuduhan tersebut adalah intipati yang sangat penting kerana ianya akan melibatkan bidangkuasa Mahkamah.

#### **Penghujahan pihak Perayu (Timbalan Pendakwa Raya)**

- 4. Meneliti kepada Petisyen Rayuan pihak Perayu yang disenaraikan dalam mukasurat 3 hingga 8 Rekod Rayuan, dapatlah disimpulkan seperti berikut:
  - (a) Hakim Sesyen telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa perbicaraan bagi pertuduhan-pertuduhan bagi kes No: 62K-(13 hingga 28) – 01/2015 adalah terbatal

“nullity” kerana ketiadaa keizinan bertulis sedangkan ia dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya;

- (b) Puan Hakim Sesyen telah terkhilaf apabila memutuskan pertuduhan-pertuduhan terhadap Responden gagal mematuhi Seksyen 153(1) Kanun Prosedur Jenayah apabila tidak menyatakan TEMPAT dimana kesalahan berlaku untuk memberikan notis yang mencukupi untuk membolehkan Responden untuk menyediakan pembelaan dan ini memprejudiskan Responden dan menimbulkan ketidakadilan;
- (c) Hakim Sesyen juga telah terkhilaf apabila memutuskan pertuduhan-pertuduhan terhadap Responden adalah “misleading” kerana pertuduhan-pertuduhan tersebut tidak menyatakan “IP ADDRESS” didaftarkan atas nama Responden;
- (d) Justeru itu Hakim Sesyen telah terkhilaf apabila menyatakan dan mengambil kira “IP ADDRESS” adalah bukan suatu tempat;
- (e) Dalam keadaan yang sedemikian, Hakim Sesyen adalah terkhilaf apabila memutuskan kegagalan untuk menyatakan tempat telah memprejudiskan Responden untuk mengemukakan pembelaan ALIBI;

- (f) Dalam keadaan yang sama juga, Hakim Sesyen telah terkhilaf apabila kegagalan menyatakan tempat dimana kesalahan berlaku telah menimbulkan isu berkaitan bidangkuasa mahkamah; dan
- (g) Secara keseluruhannya Hakim Sesyen telah terkhilaf apabila membatalkan pertuduhan-pertuduhan terhadap Responden dan memberikan perintah perlepasan yang terjumlah kepada pembebasan.

#### **Permohonan Responden di Mahkamah Sesyen**

5. Dalam meneliti Rekod Rayuan, adalah didapati bahawa pihak Responden telah memohon agar pertuduhan-pertuduhan terhadapnya dibatalkan atas alasan-alasan berikut:
  - (a) Pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan terhadap Responden adalah Cacat disebabkan TEMPAT dimana Responden dituduh melakukan kesalahan tidak dinyatakan didalamnya;
  - (b) Pertuduhan-pertuduhan tersebut adalah cacat kerana ianya gagal memberikan NOTIS yang mencukupi kepada pihak Responden mengenai kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh pihaknya;

- (c) Memandangkan ketiadaan notis yang mencukupi, maka pihak Responden telah diprejudiskan dalam menyediakan suatu pembelaan kesnya terutama sekali dalam pembelaan ALIBI yang dipertimbangkan oleh pihaknya;
- (d) Sekiranya tibul keraguan-keraguan tersebut, maka secara langsung akan membawa kesan terhadap isu bidangkuasa Mahkamah yang akan membicarakan kes perbicaraan tersebut.

### **Isu-isu Utama bagi Pembuktian Kes**

6. Isu-isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah dapatlah dirumuskan seperti berikut:
  - (a) *Adakah dengan ketiadaan Izin Untuk Mendakwa (Consent To Prosecute) akan mencatatkan Perbicaraan Kes disebalik kehadiran Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikan perbicaraan kes tersebut?;*
  - (b) *Adakah Pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan terhadap Responden menjadi "Defektif" kerana TEMPAT kesalahan tidak dinyatakan secara spesifik dalam Kertas Pertuduhan?;*
  - (c) *Sekiranya jawapan kepada persoalan (b) diatas adalah "Ya", maka adakah ianya akan memprejudiskan*



*Responden untuk mengemukakan suatu pembelaan ALIBI?;*

*(d) Begitu juga, sekiranya jawapan kepada persoalan (b) diatas adalah "Ya", adakah ianya akan melibatkan suatu Bidang Kuasa Mahkamah untuk membicarakan kes tersebut? Dan*

*(e) Bolehkan Mahkamah ini membuat keputusan walaupun Merit Kes ini belum didengar sepenuhnya??*

**Pendapat Mahkamah:**

7. Isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah ini adalah samada Mahkamah ini boleh dan perlu mencampuri urusan keputusan kehakiman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen. Mahkamah ini merujuk kepada penghakiman kes : **Herchun Singh & Ors. v. Public Prosecutor (1969) 1 MLRA 382 (FC)** seperti berikut :

*An appellate Court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at the Judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding: see **Sheo Swarup v. King Emperor AIR [1934] PC 22;***

Peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam kes diatas telah berulang kali diikuti oleh beberapa kes-kes yang lain seperti kes: **Public Prosecutor v. Muhammad Nasriq Abdullah (2015) MLRHU 322, (2014) 3 MLJ 380** dimana mahkamah memutuskan bahawa:

*"Ianya juga adalah undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mencampuri keputusan mahkamah rendah terhadap penemuan sebarang fakta kecuali penemuan fakta tersebut adalah salah (sila rujuk kepada kes: **Gobinath Reddy a/l Gopal v. Public Prosecutor (2014) 1 MLJ 446** dimana kemudiannya diikuti dalam kes: **Reza Malek Zadeh Sahabali v. Public Prosecutor (2012) MLRHU 1815, (2014) 3 MLJ 380**) yang memutuskan sebagaimana berikut:*

*"The present appeal is substantially factual. The learned judge has considered and evaluated the evidence before him and found that the defence has failed to raise a reasonable doubt in the prosecution case. We find no error that warrants appellate intervention. **In any case, an appellate court should be slow in interfering with the trial judge's findings of fact.** On the totality of the evidence we are of the view that there is sufficient evidence to support the findings of*

*the learned judge that the appellant is guilty as charged."*

8. Meneliti kepada segala rekod-rekod rayuan dan alasan penghakiman oleh Hakim Mahkamah Sesyen, mahkamah ini perlu memutuskan isu-isu yang timbul bagi menentukan samada Hakim Sesyen telah mengguna pakai peruntukan undang-undang secara jelas dan betul sebelum kes ini dipanggil untuk perbicaraan.

### **ISU PERTAMA**

***Adakah dengan ketiadaan Izin Untuk Mendakwa (Consent To Prosecute) akan mencatatkan Perbicaraan Kes disebalik kehadiran Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikan perbicaraan kes tersebut?;***

9. Dalam meneliti isu ini secara lebih terperinci, Seksyen 12 Akta Jenayah Komputer 1997 merperuntukan seperti berikut:

*"a prosecution under this Act shall not be instituted except by or with the consent of the Public Prosecutor in writing".....*

Melalui rekod, adalah didapati kes tersebut didaftarkan sebagai Kes Tangkap No: 62K-133-03-2014 dan No: 62K-(17 hingga 28) – 01/2015. Mahkamah ini juga mendapati bahawa keizinan bertulis hanya diperolehi bagi kes No: 62K-133-03/2014 tetapi tiada keizinan bertulis bagi kes yang satu lagi itu. Sungguhpun demikian, melalui rekod, mahkamah ini mendapati bahawa semasa kes ini hendak dibicarakan, pihak pendakwaan diwakili oleh Timbalan Pendakwa

Raya dan hadir pada setiap prosiding tersebut. Mahkamah ini ingin merujuk kepada keputusan Majlis Privy dalam kes: **Public Prosecutor v. Oie Hee Koi & Associated Appeals (1967) 1 MLRA 540, (1968) 1 MLJ 148** yang mana memutuskan isu mengenai Izin dibawah Seksyen 80 Internal Security Act 1960:

*“.....the answer to this objection is that the Public Prosecutor was himself the Prosecutor and his consent is implicit in his action. The provision in section 80 requiring Consent is applicable where prosecutions tak place, eg; before a Session Court and the Public Prosecutor is not the Actual Prosecutor.....”*

10. Kes yang tersebut diatas, menjadi ikutan dan dipatuhi sepenuhnya oleh Hakim yang mengendalikan perbicaraan. Dalam kes: **Public Prosecutor v. Mohamed Halipah Adan (1980) MLRA 1, (1994) 2 MLJ 12, (1981) CLJ (Rep) 238** menyatakan seperti berikut:

*“.....it is to be noted that in the above case (Ooi Hee Koi's case), the prosecution was conducted before the High court by a Deputy Public Prosecutor who under the Criminal Procedure Code is vested with all the powers of the Public Prosecutor. On the authority of this case, it is clear that where the prosecution is conducted by a Deputy Public Prosecutor the consent of the Public Prosecutor is implicit in his axction and no written consent of the Public Prosecutor is required.....’*

11. Berdasarkan kepada kedua-dua kes diatas, mahkamah ini berpendapat bahawa **semasa prosiding perbicaraan hendak dijalankan dengan kehadiran Timbalan Pendakwa Raya, maka secara tersiratnya pendakwaan kes ini terhadap Responden telah mendapat keizinan Pendakwa Raya.** Justeru itu isu mengenai ketiadaan Izin Mendakwa dalam kes No: 62K-(17 hingga 28)-01/2005 yang dibicarakan bersama dengan kes No: 62K-133-03/2014 adalah tidak timbul sama sekali. Oleh yang demikian, keputusan Hakim Sesyen untuk menyatakan bahawa dengan ketiadaan Izin Mendakwa secara bertulis telah menyebabkan perbicaraan tersebut menjadi "Nullity" adalah sangat tidak bertepatan dengan prinsip undang-undang yang nyata seperti diatas.

### **ISU KEDUA**

***Adakah Pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan terhadap Responden menjadi "Defektif" kerana TEMPAT kesalahan tidak dinyatakan secara spesifik dalam Kertas Pertuduhan?;***

12. Dalam penghakiman Hakim Sesyen di muka surat 13 para 12 menyatakan seperti berikut:

*"...OKT telahpun dipertuduhkan dengan 36 pertuduhan dibawah Seksyen 3 dan 5 Akta Jenayah computer 1997. Namun begitu jika dirujuk pada kesemua pertuduhan-pertuduhan tersebut, ia gagal menyatakan tempat dimana*

*kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh tertuduh. Ia hanya berdasarkan Alamat Internet Protocol (IP) dan bukan alamat dimana kesalahan yang kononnya telah dilakukan.....”*

13. Timbalan Pendakwa Raya menghujahkan bahawa tidak semua keadaan butiran-butiran mengenai masa, tempat dan orang berkenaan perlu dinyatakan dengan tepat didalam suatu pertuduhan tersebut. Ini semua bergantung kepada maklumat yang ada pada pihak pendakwaan pada masa pertuduhan dibuat. Selagi mana pertuduhan tersebut dengan munasabah memberitahu Responden apa jenayah yang dilakukan olehnya, maka ia sudah memadai. Selanjutnya Timbalan Pendakwa Raya menghujahkan bahawa butiran yang dinyatakan dalam pertuduhan-pertuduhan terhadap Responden didalam kes ini sangat mencukupi untuk Responden mengetahui apakah perkara yang menjadi hal perkara pertuduhan terhadapnya walaupun tempat fizikal Responden berada semasa Responden membuat akses tersebut tidak dinyatakan. Timbalan Pendakwa Raya menegaskan bahawa ketinggalan dalam menyatakan TEMPAT FIZIKAL dimana Responden berada (yang mana dihujahkan hanyalah butiran pelengkap pertuduhan) tidak menjejaskan pendakwaan terhadap Responden dan Responden tidak akan tersalah arah didalam penyediaan pembelaannya akibat ketiadaan butiran tersebut. Selanjutnya timbalan Pendakwa Raya menyatakan bahawa kesalahan yang dituduh terhadap Responden ini bukanlah kesalahan biasa. Kesalahan ini yang ditermakan sebagai jenayah siber merupakan bentuk jenayah baru yang mana tidak

tertakluk ataupun terikat kepada batasan tempat dan masa. Diakhir penghujahan isu ini, timbalan Pendakwa Raya mengajak mahkamah ini agar lebih perlu bersikap terbuka dan lebih bersedia untuk berdepan dengan kes-kes sebegini dan membuang pendekatan tradisi seperti yang selalu digunakan didalam kes-kes jenayah biasa. Timbalan Pendakwa Raya menyarankan agar Mahkamah ini perlu untuk mendengar dahulu keterangan yang akan dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebelum memutuskan samada pertuduhan-pertuduhan adalah cacat, memprejudiskan Responden ataupun sebaliknya.

14. Mahkamah ini ingin menyatakan dan menegaskan bahawa dalam menentukan keputusan isu ini, mahkamah ini sentiasa bersikap terbuka dengan mengambil pendekatan peruntukan undang-undang yang terpakai. Sebelum mahkamah ini mendengar segala keterangan yang akan dikemukakan dimahkamah, mahkamah ini perlu untuk memutuskan bahawa samada pertuduhan yang tersebut samada cacat dan memprejudiskan pihak Responden. Perihal pertuduhan ini dinyatakan secara jelas dalam Seksyen 153(1) Kanun Prosedur Jenayah yang menyatakan bahawa segala butir-butir masa dan tempat dimana kesalahan tersebut dikatakan berlaku dan orang yang terlibat harus dinyatakan dalam setiap pertuduhan.

*'Particulars as to time, place and person 153*

- (1) *The charge shall contain such particulars as to the time and place of the alleged offence and the person, if any, against whom or the*

*thing, if any, in respect of which it was committed as are reasonable sufficient to give the accused notice of the matter with which he is charged”*

Perkataan “Shall” yang terkandung didalam Seksyen 153(1) Kanun Prosedur Jenayah, pada hemat mahkamah ini memberikan suatu peruntukan mandatory yang mana segala butiran masa dan tempat dimana kesalahan tersebut berlaku wajib dinyatakan secara jelas dalam setiap pertuduhan. Mahkamah ini ingin membuat perbandingan dengan kes: **Rutinin bin Suhaimin v. Public Prosecutor (2014) 5 MLJ 282, (2014) MLRHU 420** dan rujukan khusus adalah mengenai Kertas Pertuduhan yang dikemukakan seperti berikut:

*“THE CHARGE*

*(7) The Charge preferred against the Appellant reads”*

*Bahawa kamu pada 13/02/2009 jam lebih kurang 6.33 petang di alamat Blok A, Lot 4 kedai SEDCO 89300 Kundasang didalam daerah Ranau dalam Negeri Sabah telah menggunakan perkhidmatan applikasi iaitu Internet Protokol 60.52.46.189 secara sedar membuat dan memulakan penghantaran komen yang jelik sifatnya iaitu:*

*“Sultan Perak Sudah Gilaaaaa!!  
di<http://books.dreambook.com/duli/duli.html>*



*yang mempunyai pautan laman web pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak iaitu <http://sultan.perak.gov.my> dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Subseksyen 233(1)(a) akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan boleh dihukum dibawah Subseksyen 233(3) Akta yang sama.....*

15. Berbandingkan dengan kes rayuan ini, pihak Timbalan Pendakwa Raya tidak menyatakan secara spesifik tempat Kejadian yang dikatakan berlaku itu. Sekiranya disemak kesemua 36 pertuduhan terhadap Responden yang terkandung dalam muka surat 27 hingga 61 Rekod Rayuan, adalah didapati ianya dikategorikan seperti dibawah:
- (a) *“Bahawa kamu pada 18 Oktober 2012, jam lebih kurang 10.33 malam, melalui akses yang kamu buat daripada alamat IP 176.34.61.200.....*
  - (b) *“Bahawa kamu pada 18 Oktober 2012, jam lebih kurang 10.45 malam, melalui akses yang kamu buat kepada server PAMPISA01 di alamat IP 121.123.209.230.....*
  - (c) *“Bahawa kamu pada 19 Oktober 2012, jam lebih kurang 3.48 pagi, melalui akses yang kamu buat ke server data*

base milik Astro Radio Sdn. Bhd. Di alamat IP  
175.41.239.86.....

16. Didalam kes **Santosh Kumari v. State of Jammu and Kashmir & Ors (2011) 9 Supreme Court of Jammu and Kashmir**, mahkamah memutuskan bahawa:

*".....a charge should be precise in its scope and particular in its details. The charge has to contain such particulars as to the time and place of the alleged offence and the person against whom it was committed as are reasonably sufficient to give the accused notice of the matter with which he is charged....."*

17. Dalam meneliti kes rayuan ini sepenuhnya, Mahkamah ini juga telah menilai semula penghakiman Hakim Sesyen yang mana telah memetik beberapa kes-kes sebagai panduan. Dalam kes; **Yoh Meng Heng v. Public Prosecutor (1969) 1 MLRH 321, (1970) 1 MLJ 14**, Hakim Ong Hock Sin menyatakan bahawa:

*".....it is essential that a person accused of a charge should be given sufficient particulars to know just what the charge against him is so that he may rebut it. It is embarrassing to the defence not to know first what he is alleged to have contravened....."*

18. Mahkamah ini juga ingin merujuk kepada kes: **State v. Rasool AIR 1955 All 620, 622**, mahkamah menegaskan bahawa:

*".....a charge must certain those particulars which give the accused an idea of the case which he has to meet. It may contain elaborate details but there should be no doubt left in the mind of the accused as to what is the case against him and what allegations he has to meet. If he does not fulfill this conditions, it is not a proper charge....."*

19. Begitu juga dalam kes: **Public Prosecutor v. Tee Choon Teck (1063) MLJ 34**, Hepworth J memutuskan bahawa:

*"..a charge should be so drawn that the accused should know exactly and with particularity the case which he has to meet and he should not be left guessing as to which of a number of alternatives he is alleged to have offended against....."*

20. Dalam penghakimannya juga, Hakim Sesyen telah merujuk kepada kes: **Jagar Singh v. Public Prosecutor (1936) 1 MLRH 222, (1936) MLJ 92** yang menjelaskan bahawa:

*".....seseorang tertuduh juga mesti tahu dengan tepat apakah tuduhan yang dia dipanggil untuk menjawab dan kesalahan yang dia telah sabitkan....."*

21. Dalam kes: **Public Prosecutor v. Yap Kok Meng (1974) 1 MLRH 156, (1974) 1 MLJ 110**, Hakim Hashim Yeop Sani (pada ketika itu) menyatakan:

*"...it is fundamental in the system of justice as we know it that a person accused of a criminal offence must be informed clearly of the charge made against him....to that extent the charge was badly drafted. The Criminal Procedure code states in clear terms in Section 153(i) that the charge shall contain such particulars as to the time and place of the alleged offence and the person, if any, against whom or the thing, if any, in respect of which it was committed as are reasonably sufficient to give the accused notice of the matter with which he is charged. **Any charge which is not in conformity with this is bad....It is fundamental rule that an allegation must be stated with sufficient precision to enable the accused to meet the allegation...."***

22. Melalui kes-kes yang dilaporkan dalam penghakiman Hakim Sesyen, Mahkamah ini mendapati bahawa Hakim Sesyen telah menggunakan peruntukan undang-undang yang betul dalam menentukan isu ini. **Justeru itu mahkamah ini dapat menyimpulkan bahawa isu mengenai TEMPAT dalam sesuatu pertuduhan tersebut adalah suatu kewajiban yang perlu dipatuhi oleh pihak Timbalan Pendakwa Raya dan tiada kekecualian mengenainya.** Mahkamah

ini mendapati bahawa kesemua pertuduhan terhadap Responden tidak menyatakan tempat secara spesifik dimana kesalahan tersebut berlaku yang mana pada hemat mahkamah ini ianya merupakan suatu intipati yang sangat penting bagi memberikan maklumat ataupun notis kepada Responden mengenai pertuduhan yang dikenakan terhadapnya dan dengan yang demikian membolehkan Responden membuat pembelaan diri secara lebih rapi dan teratur. Mahkamah ini juga mendapati bahawa dalam setiap pertuduhan-pertuduhan tersebut, cuma dinyatakan tentang protocol internet (Internet Protocol address).

23. Persoalan yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini adalah: adakah "IP Address" ini merupakan suatu tempat dan perlu dimasukkan dalam kertas pertuduhan. Mahkamah ini telah merujuk kepada penghujahan pihak peguam dan merujuk kepada Buku yang ditulis oleh Abu Bakar Munir, Professor of Law, Faculty of Law, University of Malaya dan Siti Hajar Mohd Yassin, Associate Professor of Law, Faculty of Law, University Technology MARA bertajuk **Information and Communication Technology Law: State, Internet and Information, Legal and Regulatory challenges**, muka surat 246 para 2:

*".....at this juncture, it is important to briefly examine what IP addresses are? **Internet Protocol (IP) addresses are numbers.** They are unique identifiers assigned to computers by Internet Service Providers for connection to the Internet. It is a 32 bit numeric address*

*written as four numbers separated by periods. Each of the four numbers can be from 0 to 255 for examples 192.168.100.1. This format is known as Internet Protocol Version 4 (IPv4) which can accommodate a maximum of **4.3 billion addresses**. Wikipedia describes an Internet Protocol (IP) addresses as a **numerical identification that is assigned to devices participating in a computer network utilizing the Internet Protocol for communication between its nodes.....**"*

24. Berdasarkan kepada buku diatas, **Mahkamah ini mengambil pendekatan dan memutuskan bahawa IP Address tersebut bukanlah suatu alamat atau tempat dimana perlakuan jenayah tersebut berlaku.** Sekiranya begitu, mahkamah ini berpendapat bahawa penghujahan Timbalan Pendakwa Raya bahawa kesalahan jenayah computer ini dikategorikan sebagai jenayah siber yang merupakan bentuk jenayah baru yang mana tidak tertakluk ataupun terikat kepada batasan tempat dan masa tidak mempunyai sebarang merit. Mahkamah ini ingin menegaskan bahawa dalam kes jenayah computer seperti ini, tempat dimana dikatakan jenayah dilakukan itu amatlah penting yang mana harus diketahui melalui penyiasatan yang sempurna oleh pegawai penyiasat supaya pertuduhan dapat menyatakan. **Mahkamah ini mendapati dengan ketiadaan nyataan TEMPAT secara spesifik dalam setiap Kertas Pertuduhan, adalah sukar untuk Responden mempertahankan dirinya dan pembelaan yang sempurna kerana Responden sendiri akan tercari-cari dan meneka alternative-alternatif kejadian jenayah**

tersebut berlaku. Seperti yang dinyatakan dalam buku diatas, keadaan alamat IP yang sangat banyak itu tidak mudah untuk diketahui yang mana satu dalam 4.3 billion computer terlibat sebenarnya dalam perlakuan jenayah tersebut. Kalaulah 4.3 billion komputer tersebut mempunyai IP address yang sama, manakan tahu yang mana sebenarnya computer yang digunakan oleh Responden dan perbuatan tersebut dilakukan dimana??? Sekiranya begitu, **mahkamah ini berpendapat bahawa dengan hanya meletakkan IP Address sebagai ganti kepada TEMPAT dan alamat yang sebenarnya berlaku jenayah tersebut, akan mengelirukan (misleading) pihak-pihak terutamanya Responden kerana IP Address bukanlah suatu alamat atau tempat.** Justeru itu mahkamah ini mendapati ianya merupakan suatu laksana keadilan (miscarriage of justice). Dalam keadaan yang sedemikian, mahkamah ini bersetuju dengan penghakiman Hakim Sesyen bahawa pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan terhadap Responden adalah Defektif dan tidak mematuhi keperluan seksyen 153 Kanun Prosedur Jenayah dan menimbulkan suatu ketidakadilan yang besar kepada Responden.

### **ISU KETIGA**

***Sekiranya jawapan kepada persoalan (b) diatas adalah "Ya", maka adakah ianya akan memprejudiskan Responden untuk mengemukakan suatu pembelaan ALIBI?;***

25. Sebelum menentukan persoalan ini, adalah lebih baik untuk diketahui apakah itu Pembelaan Alibi. Dalam kes: **Public Prosecutor v. Ho Jin Lock and Another Trial (1999) 1 MLRH 847, (1999) 3 MLJ 625**, YA Jeffrey Tan, H (pada ketika itu) menyatakan berikut:

*".....there is no statutory definition of alibi. But what is an Alibi is no mystery. Alibi is a Latin adverb meaning "elsewhere at another place" and "if evidence for an accused that he was not present at a place at the time an offence was there committed is accepted by the jury, he is said to have established an Alibi \*R v. Foll (1957) 21 WWR at page 491 Man CA, per Montague JA). "what is ordinarily meant by an Alibi is that the accused's presence elsewhere is essentially inconsistent with his presence at the time and place alleged, and therefore with participation in the crime. An Alibi may absolutely preclude the possibility of presence at the alleged time and place of the act; or the Alibi may not involve absolute impossibility, but only high improbability and yet be convincing (see Criminal Law Review 1978, pp 277-8 and also on p 278 where it is further stated that a true Alibi Defence consists of a affirmative proof of the Defendant's presence somewhere other than at the time and place alleged); Ku Lip See v. PP (1982) 1 MLJ 194 at p 196 per Abdul Hamid FJ (as he then was). In short, Alibi is a defence that places the Defendant at the relevant time of the crime in a different place than the scene involved and*



*so removed therefrom as to render it impossible for him to be the guilty party.....”*

26. Justeru itu berdasarkan kepada perkara diatas, adalah jelas bahwa pembelaan Alibi itu tidak sekadar untuk menunjukkan Responden berada di tempat lain selain dari lokasi jenayah semata-mata tetapi untuk menunjukkan pada masa kejadian Responden berada di suatu tempat yang mana adalah mustahil baginya melakukan kesalahan tersebut atas sebab-sebab yang hanya beliau ketahui. Menurut Seksyen 402A Kanun Prosedur Jenayah begini:

*“(4) The notice required under this section shall include particulars of the place where the accused claims to have been at the time of the commission of the offence with which he is charged, together with the names and addresses of any witnesses whom he intends to call for the purpose of establishing his Alibi.....”*

27. Adalah jelas dalam kes diatas dan peruntukan undang-undang, suatu lokasi dan TEMPAT perlulah dizahirkan dalam setiap pertuduhan tersebut. **Pada hemat mahkamah ini, kegagalan pihak pendakwaan untuk menyatakan tempat dimana kesalahan tersebut berlaku sememangnya akan memprejudiskan Responden bagi mengemukakan suatu pembelaan ALIBI kerana pihak Responden tidak mungkin akan mengetahui Alibi apa yang harus diberikan dan untuk alamat yang tidak diketahui.**

Justeru itu, penghujahan pihak Timbalan Pendakwa Raya yang menyatakan bahawa Responden masih boleh memberikan pembelaan Alibi dengan menunjukkan bahawa Responden tidak menggunakan "IP Address" tersebut pada tarikh dan masa kesalahan tersebut adalah tidak mempunyai sebarang merit.

28. Dari satu segi mahkamah ini mengambil maklum mengenai pindaan Seksyen 402A Kanun Prosedur Jenayah yang berkuatkuasa dari 1 Jun 2012 yang mana peluang terbuka luas kepada pihak Responden untuk mengemukakan pembelaan Alibi pada bila-bila masa semasa perbicaraan berlangsung. Dalam keadaan yang sedemikian, mahkamah ini masih berpendapat bahawa pihak Responden wajib dimaklumkan tempat kejadian berlakunya jenayah tersebut pada awalnya sebelum perbicaraan atas alasan ianya juga akan melibatkan bidangkuasa mahkamah yang mendengar perbicaraan tersebut. Sebagai contohnya kes tersebut dibicarakan di Mahkamah Kuala Lumpur dan semasa perbicaraan berlangsung dan keterangan dikemukakan, didapati kejadian dan alamat berlakunya jenayah tersebut di Seremban. Pada ketika ini Responden mengemukakan pembelaan Alibi semasa perbicaraan. Persoalannya adalah, apakah status perbicaraan tersebut??? Pada hemat mahkamah ini adalah perbicaraan tersebut berkemungkinan akan terbatal kerana Mahkamah di Kuala Lumpur tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes jenayah yang berlaku di Seremban. Oleh yang demikian, mahkamah ini ingin menegaskan sekali lagi bahawa dengan ketiadaan dan fakta mengenai TEMPAT berlakunya jenayah tersebut dan dinyatakan secara jelas dalam Kertas Pertuduhan,

maka ianya akan memprejudiskan hak Responden untuk meletakkan pembelaan Alibi (sekiranya ada) dalam perbicaraan terhadapnya kelak.

#### **ISU KEEMPAT**

***Begitu juga, sekiranya jawapan kepada persoalan (b) diatas adalah "Ya", adakah ianya akan melibatkan suatu Bidang Kuasa Mahkamah untuk membicarakan kes tersebut?***

29. Dalam mempertimbangkan isu ini, mahkamah ini perlulah meneliti beberapa peruntukan undang-undang. Dalam Seksyen 59 Akta Mahkamah Rendah 1948 memperuntukan:

*"Constitution and territorial Jurisdiction of Session Courts  
59(1) The Yang di Pertuan Agong may, by order, constitute so many Sessions courts as he may think fit and shall have power, if he thinks fit, **to assign local limits of jurisdiction thereto....."***

Dalam Seksyen 121 Kanun Prosedur Jenayah dinyatakan berikut:

*"Ordinary place of inquiry and trial*

***121. Every offence shall ordinarily be inquired into and tried by a Court within the local limits of whose jurisdiction it was***

*committed. Accused triable in place where act is done or where consequence ensues.....”*

Begitu juga dalam Seksyen 122 Kanun Prosedur Jenayah memperuntukan bahawa:

*“Accused triable in place where act is done or where consequence ensues*

*122. When a person is accused of the commission of any offence by reason of anything which he has done and of any consequence which has ensued, the offence may be inquired into or tried by a court within the local limits of whose jurisdiction any such thing has been done or any such consequence has ensued.....”*

30. Melalui peruntukan undang-undang diatas, adalah jelas menyatakan Mahkamah mana yang akan mendengar dan membicarakan kes tersebut akan ditentukan dengan tempat kejadian jenayah itu berlaku. **Dalam erti kata yang lain, pernyataan TEMPAT kejadian jenayah itu berlaku seperti dalam Kertas Pertuduhan akan memberikan suatu bidangkuasa untuk Mahkamah tersebut mendengar dan membicarakan kes tersebut.** Sekiranya tidak diketahui tempat kejadian tersebut, mana mungkin diketahui Mahkamah mana yang boleh membicarakan kes tersebut. Justeru itu, pada pendapat mahkamah ini, keputusan Hakim Sesyen yang menyatakan bahawa

ketiadaan TEMPAT dinyatakan secara jelas dalam Kertas Pertuduhan akan menjejaskan bidangkuasa Mahkamah adalah tidak keterlaluan dan menepati prinsip undang-undang.

### **ISU KELIMA**

***Bolehkan Mahkamah ini membuat keputusan walaupun Merit Kes ini belum didengar sepenuhnya??***

31. Menurut Seksyen 173(c) Kanun Prosedur Jenayah menyatakan:  
*“.....the Court shall proceed to take all such evidence as may be produced in support of the prosecution.....”*

Dalam peruntukan diatas jelas menunjukkan bahawa dalam setiap prosiding perbicaraan jenayah, pengemukaan semua keterangan-keterangan terhadap Responden perlulah dibuat sebelum pihak mahkamah membuat apa-apa Perintah dan keputusan mengenai sesuatu kes tersebut. Justeru itu secara prinsipnya, mahkamah ini tiada mempunyai apa-apa kuasa untuk membatalkan sebarang pertuduhan-pertuduhan jenayah sebelum perbicaraan dimulakan ataupun sebelum keterangan-keterangan dikemukakan dimahkamah.

32. Dalam kes: **Karpal Singh v. PP (1991) 1 MLRA 96, (1991) 2 MLJ 544 (SC)**, Mahkamah Agong memutuskan bahawa:

*“Perhaps it is appropriate that we now pause to consider the constitutional consequences if relying on the English common law concept. Unlike UK, the Constitution of the Federation which is a written law is specifically declared to be the supreme law of the land. Also, it is noted that UK has no criminal procedure code as enacted by our legislature. For our immediate purpose we wish to refer to Article 145(3) of the Constitution which states that the **Attorney General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before Syariah Court etc.....**The discretion vested in the Attorney General is unfettered and cannot be challenge and substituted by that of the court’s. The reasoning and logic behind such contention’s is well illustrated in the cases of **PP v. Lee Tian Bau (1985) 1 MLJ 388, Long bin Samat & Ors. v. PP(1974) 2 MLJ 152, PP v. Datuk Harun bin Haji Idris & Ors (1976) 2 MLJ 116 and Poh Choo Ching v. P(1982) 1 MLJ 86.** In the circumstances, it is superfluous to reiterate the same points.....”*

*“....In matters like criminal law of purely domestic nature our view is that **the court will only exercise its inherent power when there is miscarriage of justice.** The court must be very careful that the decision is not in conflict with the intention of the legislature as indicated in*

*statutory powers. The inherent power apparently cannot be invoked to override an express power or when there is another remedy available. Where the legislature has provided a particular mode of action or has vested an authority with powers to act in a particular manner and has prescribed the conditions limiting the scope of such action, the court cannot act outside those powers and conditions.....”*

Didalam kes ini, adalah jelas menunjukkan **tiada terdapat apa-apa peruntukan dalam Kanun Prosedur Jenayah bagi membatalkan prosiding atau bagi pembebasan tanpa mendengar semua keterangan yang akan dikemukakan oleh pihak pendakwaan.**

33. Begitu juga penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes: **Dato’ Seri Anwar Ibrahim v. PP (2010) 2 MLRA 82, (2010) 6 MLJ 533**, mahkamah memutuskan bahawa:

*“.....upon reference to the Supreme Court it was held that **there was no provision in the Criminal Procedure Code for striking out proceeding or acquittal without hearing all the evidence the prosecution has to offer. The Supreme Court however held that the High Court may invoke such prerogative powers in rare instances where it is right to do justice to the accused.....”***

34. Kedua-dua kes diatas ini adalah bersamaan dan selaras dengan penghakiman keputusan Majlis Privy dalam kes: **DPP v. Humphrys (1977) AC 1 (HL)** seperti berikut:

*“.....A judge must keep out of the arene. He **should not have or appear to have any responsibility for the institution of a prosecution.** The functions of the prosecutors and of judges must not be blurred. If a judge has power to decline to hear a case because he does not think it should be brought, then it soon may be thought that the cases he allows to proceed are cases brought with his consent or approval.....”*

*“If there is the power which my noble and learned friends think there is to stop a prosecution on indictment in limine, it is in my view a power **that should only be exercised in the most exceptional circumstances.....”***

35. Sungguhpun demikian, mahkamah ini mendapati walaupun pada prinsip asasnya mahkamah tiada kuasa berbuat demikian, tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu dan menyebabkan salah laksana keadilan, mahkamah ini boleh menggunakan kuasa “inherent power “ untuk membatalkan sesuatu pertuduhan tersebut.



36. Dalam kedua-dua kes diatas, mahkamah ini mendapati bahawa, walaupun dalam keadaan yang amat jarang sekali (*rare instances*) Mahkamah akan dan boleh menggunakan kuasa "*inherent powers*" untuk membatalkan sesuatu pertuduhan yang dikenakan terhadap Responden sekiranya ujud bukti-bukti yang sah berlakunya suatu "*miscarriage of justice*" yang mana pertuduhan-pertuduhan tersebut dibuat secara "*mala fide*", "*oppressive*" dan "*abuse of court process*".
37. Justeru itu, mahkamah ini mendapati bahawa kegagalan pihak Timbalan Pendakwa Raya untuk menyatakan tempat yang dikatakan berlakunya kesalahan tersebut telah memprejudiskan Responden yang mengakibatkan ketidakadilan serta menafikan Responden daripada menjawab atau membela pertuduhan yang dikenakan terhadapnya secara lebih efektif. Oleh yang demikian, mahkamah ini bersetuju dengan keputusan oleh Hakim Sesyen bahawa kesemua pertuduhan-pertuduhan terhadap Responden adalah defektif sama sekali. Mahkamah ini menggunakan kuasa "*inherent powers*" bagi membatalkan semua pertuduhan terhadap Responden di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Responden dilepaskan dan dibebaskan daripada kesemua pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Justeru itu, rayuan pihak Timbalan Pendakwa Raya tidak mempunyai sebarang merit dan harus ditolak.

38. Dalam mengingat dan mempertimbangkan fakta-fakta dalam kes rayuan ini, mahkamah ini mengingat diri sendiri kepada prinsip-prinsip yang disenaraikan dahulu dalam kes: **Krishnan Murthy v. Pendakwa Raya (1987) 1 MLJ 292 at 295-296 (SC)**

*“.....it is one of the most basic rule of justice that however heinous a crime person is accused of, whatever the rank of the person who testifies against him, he can only be convicted on evidence produced according to the stringent requirement of law.....but it does not mean that a person accused of the most serious crime to equal protection before the law.....is **that his guilt must be proved in accordance with or in a manner required by law. Anything less will be not enough.....”***

39. Dalam menilai beberapa isu-isu diatas, mahkamah ini telah merujuk kepada kes: **Choo Chang Teik & Anor v. PP (1991) 1 MLRA 280, (1991) 3 MLJ 423**

*“.....although it is unfortunate that a guilty party cannot be brought to justice, it is **more important that there should not be a miscarriage of justice** and the law should be maintained that the prosecution should prove its case.....”*

## KEPUTUSAN AKHIR MAHKAMAH

40. Berdasarkan kepada hujahan-hujahan yang dikemukakan dan perkara-perkara yang dinyatakan diatas, mahkamah ini ingin menyatakan pendirian seperti berikut:

- (1) Mahkamah ini memerintahkan agar kesemua pertuduhan-pertuduhan terhadap Responden sepertimana diekshibitkan sebagai VD-1 di Lampiran 1A iaitu Kes Tangkap No: 62K-133-03/2014 dan 62K-(17 – 28)– 01/2015 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dibatalkan;
- (2) Mahkamah ini memerintahkan agar Responden dilepaskan dan dibebaskan daripada apa-apa pertuduhan diperingkat ini;

Oleh yang demikian, diatas alasan-alasan yang dibahaskan, mahkamah ini mendapati bahawa Rayuan pihak Timbalan Pendakwa Raya tidak mempunyai sebarang Merit dan Justifikasi. Justeru itu Rayuan Timbalan Pendakwa Raya seharusnya di tolak.

Mahkamah ini merasakan adalah adil, wajar dan saksama setelah mempertimbangkan segala sudut prinsip undang-undang yang berkaitan dan alasan-alasan yang telah dinyatakan diatas. Mahkamah ini merakamkan ucapan terima kasih kepada DPP dan pihak-pihak terlibat di atas kerjasama yang diberikan dalam melupuskan kes ini.

Bertarikh 13 April 2016,

  
(DATO' HJ. MOHAMAD SHARIFF BIN HJ. ABU SAMAH)

Pesuruhjaya Kehakiman

Mahkamah Tinggi Jenayah 4

Kuala Lumpur

Bagi Pihak Perayu : Puan Lailawati binti Ali,  
Timbalan Pendakwa Raya, Putrajaya

Bagi Pihak Responden : En. A.G. Kalidas  
(Tn. K. Nadarajah & Partners)